

14 OCT 1998

Mahathir-Pemangku

TIADA PEMANGKU KETIKA DR MAHATHIR DI LUAR NEGERI

SHAH ALAM, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak akan melantik pemangku Menteri Dalam Negeri semasa lawatan kerja lima hari ke Jepun yang bermula esok.

Perdana Menteri berkata, semasa ketiadaannya dua Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Kedua akan menjalankan tugas-tugasnya apabila perlu.

Dua Timbalan Menteri Dalam Negeri itu ialah Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Ong Ka Ting sementara Menteri Kewangan Kedua ialah Datuk Mustapa Mohamed.

Dr Mahathir juga berkata adalah tidak perlu bagi beliau melantik seorang Timbalan Perdana Menteri semasa ketiadaannya.

"Tugas-tugas Perdana Menteri yang rutin boleh dijalankan seperti biasa. Yang lain-lain, mereka boleh berhubung dengan saya sepanjang masa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Perpaduan 1998 peringkat kebangsaan di sini.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata beliau cuma memerlukan enam jam untuk kembali ke tanah air dari Jepun sekiranya perlu.

Ketika ditanya mengenai pertemuan Duta Besar Amerika John Malott dengan isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak menghalang sesiapa yang hendak berbuat demikian.

"Kalau nak jumpa, jumpalah, kita tidak larang, asal jangan cakap bohong sudahlah," katanya.

Mengenai siasatan terhadap laporan bahawa Datuk Seri Anwar dipukul oleh polis semasa dalam tahanan, beliau berkata siasatan masih dibuat dan laporannya akan diserahkan kepada Peguam Negara sebelum ditentukan ada kes atau tidak.

Bagaimanapun, katanya beliau tidak terlibat dalam siasatan itu.

Mengenai pembebasan Anwar daripada tahanan ISA hari ini, Dr Mahathir berkata : "Itu haknya, saya rasa... habeas corpus bukan".

-- BERNAMA

RAZ PR